



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMERIKSA HARGA (D.3-4 EB.5)
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PEMERIKSA HARGA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
D.3-4 EB.5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.
2. Mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah.
3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.
4. Mempunyai pengetahuan am dan kemahiran asas penggunaan *Microsoft Office* adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan dari semasa ke semasa arahan-arahan daripada Pemeriksa Harga Kanan selaku ketua Kumpulan Pemeriksa Harga, Pegawai dan Pegawai Kanan yang berkenaan;



2. Penguatkuasaan Akta Kawalan Harga Penggal 142 dan peraturan-peraturan di bawahnya, termasuk Perintah Kawalan Harga (Paparan Tanda Harga) dan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), ke atas premis-premis perniagaan di seluruh negara bagi memastikan kepatuhan syarikat perniagaan terhadap perundangan tersebut;
3. Membuat keputusan dan mengambil tindakan yang sewajarnya berpandukan kepada Akta Kawalan Harga Penggal 142 dan peraturan-peraturan di bawahnya;
4. Mengumpul maklumat harga bagi barang-barang yang dikawal di bawah Akta Kawalan Harga Penggal 142 dan barang-barang keperluan asasi yang lain di dalam dan luar daerah seperti yang diarahkan Pemeriksa Harga Kanan, Pegawai dan Pegawai Kanan termasuk bagi tujuan inisiatif *Price Comparison*, kutipan harga barangan keperluan semasa musim perayaan, dan pemantauan harga;
5. Membantu pegawai atasan untuk memantau harga barangan keperluan asasi yang mengalami kenaikan harga atau kekurangan bekalan, terutamanya dalam keadaan krisis, dengan mendapatkan maklumat dan dokumen sokongan yang berkenaan bagi mengenal pasti tindakan lanjut;
6. Menangani aduan pengguna dengan mendapatkan maklumat lanjut (*fact finding*) dan membuat pemeriksaan kepada pihak-pihak terlibat;
7. Menyediakan dan menghadapkan laporan harian kepada Pemeriksa Harga Kanan; dan
8. Mempunyai inisiatif sendiri di samping bekerja secara berpasukan.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian IV

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah lengkap dan di muat naik ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';

- Kad pengenalan dan Lesen Memandu.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf

- SIJIL-SIJIL** (sepertimana kehendak skim) serta **KELULUSAN TRANSCRIPT** dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	BGCE O LEVEL.pdf
	2016	2016	25/8/2016	NTC2.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Skill Certificate 2.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Skill Certificate 3.pdf

- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.



- ✓ Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan “Current Government Employee”. Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee +

Current Government Employee -

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	▲
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	▼

Current Appointment

Starting Date

01/02/2012

Ministry

Prime Minister's Office

Department

PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Job Title

KERANI